

2 MAR 1996

Ramli-UMNO

ANGGOTA BARU PERHUBUNGAN UMNO PERAK DILANTIK DUA MINGGU LAGI

IPOH, 2 Mac (Bernama) -- Badan Perhubungan UMNO Perak akan bermesyuarat dua minggu lagi untuk melantik beberapa anggota baru berikutan kekalahan dan penarikan diri anggotanya pada pemilihan ketua bahagian tahun lepas, kata Pengerusinya Tan Sri Ramli Ngah Talib.

Katanya, mesyuarat itu juga akan membuat keputusan tentang timbalan pengerusi badan itu yang baru menggantikan Datuk Mohd Arshad Abdullah, yang gagal mempertahankan jawatan ketua bahagian Teluk Intan.

Setiausaha juga perlu diganti kerana Datuk Ahmad Hambal Yeop Majlis menarik diri daripada mempertahankan jawatan ketua bahagian Parit, katanya kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan ketua-ketua bahagian UMNO negeri di kediamannya semalam.

Beliau berkata perjumpaannya dengan ketua-ketua bahagian itu untuk membincangkan persediaan bagi lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed yang juga Presiden UMNO ke Perak pada 23 Mac.

Dr Mahathir dijangka merasmikan upacara pecah tanah projek pembinaan kilang kedua kereta nasional, Proton di Lembah Bernam dan mengadakan lawatan kerja ke projek pembangunan bandar bersepadu Bukit Merah di Perak utara.

Ramli juga menyambut baik syor Jawatankuasa Penyemakan Keanggotaan UMNO supaya kategori anggotaan seumur hidup diadakan bagi mengelakkan berlakunya penyelewengan dalam senarai anggota menjelang pemilihan parti.

Katanya, cara itu bukan sahaja dapat menyelesaikan masalah keanggotaan tetapi juga membantu mengisi tabung parti itu bagi mempergiatkan lagi aktivitinya. -- BERNAMA

HK NMO